



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 21 APRIL 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CILI TAK PATUH SYARAT PERMIT DIRAMPAS, LOKAL, HM-5	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	USAHAWAN TANI MUDA DI PULAU PINANG DISARAN MOHON GAM, BISNES, SH-29	LAIN-LAIN
3.	SELANGOR PENGELUAR TERBESAR KELAPA MATAG DUA TAHUN LAGI, NEGARA, KOSMO-12	
4.	HARGA SANTAN SEGAR CECAH RM20 SEKILO, NEGARA, KOSMO-12	
5.	TANAMAN PADI LIMA KALI DALAM DUA TAHUN PERLU DIJAYAKAN, NEGERI, SH-25	
6.	PENIAGA GUSAR JIKA HARGA KELAPA NAIK LAGI, NEGERI, SH-27	
7.	'TWUKANO' PIKAT PEMINAT KOPI DI KB, BISNES, SH-29	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	5

Cili tak patuh syarat permit dirampas

Alor Setar: Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Bukit Kayu Hitam merampas cili 14,000 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM42,000 di Kompleks Kuarantin, Imigresen, Kastam dan Keselamatan (ICQS) di Bukit Kayu Hitam, Jumaat lalu.

AKPS dalam satu kenyataan memaklumkan rampasan dilakukan sekitar 9.40 malam selepas pemeriksaan ke atas sebuah kontena yang membawa sayur segar dari negara jiran.

"Hasil pemeriksaan mendapati ia tidak mema-

tuhi syarat permit import GPL (Grading, Packaging and Labeling) seperti yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 2008 atau Sijil Perakuan Pematuhan 3P yang sah," menurut kenyataan itu.

Pemeriksaan rutin dilakukan ke atas kontena import di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, dan notis di bawah Seksyen 15(1) Akta Maqis 728 dikeluarkan.

Barang rampasan ditahan untuk tindakan lanjut mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.



ANGGOTA AKPS Bukit Kayu Hitam merampas 14,000 kilogram cili dianggarkan bernilai RM42,000.
- FOTO FACEBOOK AKPS BUKIT KAYU HITAM

Usahawan tani muda di Pulau Pinang disaran mohon GAM

GEORGE TOWN - Usahawan tani muda dan agromakanan di Pulau Pinang disaran memohon 'Geran Agropreneur Muda (GAM)' yang menawarkan hingga RM30,000 bagi memulakan dan mengembangkan bidang yang mereka ceburi.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Fahmi Zainol berkata, program di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan itu, bertujuan menggalakkan penglibatan belia dalam bidang keusahawanan berasaskan pertanian.

"Sejak 2019 hingga 2024, seramai 12 pemohon geran usahawan tani

muda untuk produk industri asas tani (IAT) dan 15 pemohon bagi projek tanaman mendapat geran berkenaan, semua mereka masih aktif sehingga sekarang malah ramai yang berjaya.

"Bagi tahun ini pula, lapan peserta telah membuat permohonan, empat daripadanya dalam proses untuk meletakkan dokumen, kita harap ramai lagi golongan muda akan memohon," katanya.

Program itu menawarkan bantuan kewangan dan teknikal kepada rakyat Malaysia berumur antara 18 hingga 45 tahun, khususnya yang berminat dalam sektor tanaman, ternakan, perikanan, industri makanan dan asas tani.

"Bagi GAM Start-Up, bantuan diberi-

kan dalam bentuk barangan, dengan nilai maksimum RM30,000 untuk projek hulu-an pertanian dan RM20,000 bagi projek industri makanan serta asas tani. GAM Scale Up pula menyediakan pembiayaan hingga RM50,000," katanya.

Beliau berkata, antara usahawan muda yang memperolehi geran itu yang telah melakar kejayaan ialah Mohamad Amirul Akmal Abdullah mendapat bantuan pada 2017 dan sehingga kini masih giat mengusahakan tanaman seperti labu manis, petola, kacang panjang, peria, labu air dan timun.

Mohamad Amirul Akmal juga pernah menerima Anugerah Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2023 dan Tokoh Pekebun Kecil Agromakanan Negeri Pulau

Pinang.

Usahawan Muhammad Amin Yusoff Muhammad Bukhari yang mendapat bantuan GAM pada 2020 pula mengusahakan perniagaan produk makanan menerusi syarikat Baulu Bumbung Lima yang menjual baulu, peniarang, putu kacang, dodol dan kuih layang.

"Tiada had yang disasarkan untuk GAM, ia terbuka kepada permohonan daripada golongan belia yang layak sebab kita mahu lebih ramai usahawan tani muda di Pulau Pinang memohon kerana banyak faedah yang mereka akan dapat," katanya.

Pemohonan GAM boleh dibuat secara dalam talian melalui laman web egam.kpk.gov.my. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2025	KOSMO	NEGARA	12

Selangor pengeluar terbesar kelapa matag dua tahun lagi

SHAH ALAM – Selangor akan menjadi antara pengeluar terbesar biji benih kelapa matag dalam tempoh dua tahun akan datang bagi memastikan kestabilan pengeluaran kelapa di negara ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Izham Hashim berkata, proses semaian biji benih kini dilakukan di Sungai Air Tawar, Sabak Bernam dengan keluasan 20 hektar.

Katanya, ia diusahakan menerusi kerjasama Jabatan Pertanian dengan kelebihan kelapa

matag adalah dari segi saiz, isi dan air termasuk santan.

"Kelapa terbaik sekarang adalah dari jenis matag, tetapi disebabkan kekurangan benih, kita buka pusat semaian benih."

"Empat tahun baru boleh mengeluarkan hasil. Sekarang sudah dekat dua tahun kita semai dan ada dua tahun lagi sebelum Selangor menjadi antara pengeluar terbesar biji benihnya," katanya.


Menurutnya, kekurangan bekalan kelapa sememangnya sering berlaku terutama pada

musim perayaan ekoran penggunaannya yang tinggi.

Ujarnya, kerajaan negeri telah memaklumkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan supaya dapat mengambil langkah-langkah mendapatkan kelapa dari Indonesia.

"Sebenarnya, hasil kelapa ini kalau diusahakan adalah lebih tinggi daripada kelapa sawit dengan keluasan yang sama.

"Tetapi bukan bermakna kita mahu tukar semua sawit menjadi kelapa. Kalau boleh diseimbangkan," katanya.



KELAPA matag mampu mengeluarkan hasil yang banyak. – GAMBAR HIASAN

Harga santan segar cecah RM20 sekilo

- Kenaikan antara RM3 hingga RM8 sekilogram
- Kekurangan bekalan kelapa tempatan jadi punca

Oleh MOHD. AZLI ADLAN, NOOR HASLIZA NUSI, NABILA NATASHA YUSMADIE, ARINA MOHD NOOR dan ROSLIZA MOHAMED

KUALA LUMPUR – Kekurangan bekalan kelapa tempatan dan kenaikan harga kelapa import menjadi antara punca kenaikan harga santan segar sehingga RM20 sekilogram di kebanyakan negeri di seluruh negara.

Tinjauan *Kosmo!* di Pasar Raja Bot, Chow Kit di sini, kelmarin mendapati, santan segar kini dijual pada harga RM18 sekilogram berbanding RM15 sekilogram pada akhir tahun lalu.

Beberapa peniaga memaklumkan bekalan kelapa kini banyak diperolehi dari Indonesia memandangkan stok kelapa tempatan sukar didapati.

Seorang peniaga santan, Liew Yoke Chin, 45, berkata, harga bahan mentah itu mula naik sejak Disember tahun lalu.

"Tahun lepas saya jual santan sekitar RM15 sekilogram, tapi hujung tahun lalu harganya mula naik dan kini terpaksa dijual pada harga RM18 sekilogram."

"Sukar untuk mengekalkan harga berpatutan kerana saya terpaksa membeli buah kelapa pada harga yang tinggi," katanya.

Peniaga, Putri Ainin Syafika Wasri, 18, pula berkata, pembekal sering menaikkan harga dengan alasan stok kelapa terhad.

"Kenaikan ini memang terasa. Pembekal selalu main harga, hari ini naik, minggu depan naik lagi. Kalau pembekal letak harga tinggi, kita terpaksa jual dengan harga tinggi. Itu pun belum termasuk kos-kos lain."



WAN MOHD. SYUKRI melayan pelanggan yang membeli santan di geraiinya di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu kelmarin.

"Walaupun harga meningkat, permintaan santan segar tetap tinggi," katanya.

Di **Kuala Terengganu**, rata-rata peniaga terpaksa menaikkan harga santan segar lebih 50 peratus berbanding pada bulan Ramadan lalu ekoran stok yang tidak mencukupi dan harga bekalan yang semakin mahal.

Peniaga, Wan Mohd. Syukri Wan Muda berkata, dia terpaksa menaikkan harga santan segar RM20 sekilogram berbanding RM13 sekilogram pada bulan puasa lalu.

"Harga sebiji kelapa sudah mencecah RM4. Itupun saya baru terima semula bekalan kelmarin."

"Sebelum ini, seminggu saya tidak dapat berniaga ekoran ketiadaan bekalan daripada pemborong," katanya di Pasar Chabang Tiga.

Menurutnya, bekalan kelapa



PUTRI AININ melayan pelanggan yang membeli santan di premisnya di Pasar Raja Bot, Chow Kit, Kuala Lumpur kelmarin.

yang diterima daripada pemborong di Kukup, Johor juga berkurangan cuma dua tan berbanding keperluan kira-kira lima tan seminggu.

Katanya, dua tan kelapa itu dijangka hanya mampu bertahan tiga hari kerana permintaan santan tetap tinggi pada Syawal ini.

"Pemborong mendakwa beka-

lan kelapa dari Indonesia bermasalah ekoran kekurangan tenaga kerja pada musim raya.

"Bekalan kelapa tempatan pula lagi bermasalah disebabkan pengeluaran kurang ekoran musim melawas."

"Masalah yang dihadapi ketika ini antara terburuk sejak saya berniaga santan lebih 30 tahun

lalu," ujarnya.

Di **George Town**, peniaga santan berdepan dilema dengan kenaikan harga bahan mentah itu sejak Oktober tahun lalu dan berlarutan sehingga hari ini.

Peniaga, Mohd. Anuar Arbayee berkata, ia susulan kenaikan harga isi kelapa daripada pihak pengeluar di negara jiran.

Menurutnya, kenaikan harga isi kelapa berlaku secara berturut-turut sejak Oktober tahun lalu daripada peringkat pembekal iaitu daripada RM4.50 sekilogram kepada RM8.60 sekilogram.

"Situasi ini memaksa peniaga santan menaikkan harga santan daripada RM13 sekilogram (pada Oktober tahun lalu) kepada kira-kira RM20 sekilogram hari ini."

"Kenaikan di peringkat pembekal berlaku dua hingga tiga kali dalam tempoh dua minggu. Tidak mungkin kami dapat mengekalkan harga lama."

"Bayangkan, untuk dapatkan sekilo santan kami perlukan dua kilogram isi kelapa. Bagaimana kami nak untung jualan jika tidak naikan harga?" soalnya.

Di **Kota Bharu**, peniaga santan, Hafizul Suhaimi, 48, berkata, masalah bekalan kelapa berlaku sejak Januari lalu dengan peningkatan harga secara berperingkat daripada RM2.80 hingga RM3 dan RM3.50 sebiji ketika ini.

Katanya, keadaan itu menyebabkan dia menjual santan kepada pelanggan tetap sahaja kerana bekalan kelapa yang diperolehi hanya 200 biji sehari.

"Sebelum ini, saya tiada masalah untuk menjual santan kepada orang ramai. Buat masa ini, saya terpaksa menghadkan jualan kerana bekalan kelapa berkurangan," katanya di Pasar Besar Siti Khadijah.

Tinjauan *Kosmo!* di Pasar Besar Siti Khadijah juga mendapati, harga santan dijual antara RM15 hingga RM17 sekilogram sejak beberapa bulan lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Sultan Kedah titah perkasa sektor padi dan pelancongan

Oleh ROSLINDA HASHIM
ALOR SETAR

Tanaman padi lima kali dalam dua tahun perlu dijayakan

Pelaksanaan inisiatif penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun di kawasan jelapang padi perlu dijayakan bagi memastikan keterjaminan bekalan beras negara.

Sultan Kedah, Sultan Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, bertitah mahu kawasan luar jelapang padi turut diberikan perhatian serius agar hasil pengeluaran padi dapat ditingkatkan.

Baginda menyarankan agar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) meningkatkan usaha melaksanakan kajian berterusan

dan menggunakan teknologi pertanian moden, khususnya dalam penghasilan benih padi berkualiti serta penggunaan jentera moden yang cekap.

"Penghasilan padi juga bergantung kepada sumber air dari kawasan hutan tadahan air yang turut menyokong keperluan domestik dan industri.

"Kerajaan perlu tegas melindungi kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda sebagai jaminan kelestarian sumber air mencukupi dan selamat, di samping menjamin pengekalan pelbagai spesies flora dan fauna," titah baginda.

Sultan Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin bertitah demikian ketika Istiadat Perasmian Persidangan Mesyuarat Pertama



Sultan Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin mencemar duli menghadiri Majlis Istiadat Perasmian Persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN Kedah ke-15 pada Ahad.

Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah ke-15 di Wisma Darul Aman di sini pada Ahad.

Sultan Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin juga berharap semua wakil rakyat dan pihak berkepentingan lebih proaktif

menjayakan kempen Tahun Melawat Kedah 2025 (TMK 2025) dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

"Beta menggesa produk pelancongan sama ada di tanah besar atau di Pulau Langkawi ditambah baik dan dinaik taraf,

selain mengenal pasti produk-produk pelancongan baharu untuk diperkenalkan.

"Jaringan perhubungan dan pengangkutan juga harus diperkasakan, terutamanya perkhidmatan feri menuju ke Pulau Langkawi," titah baginda.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2025	SINAR HARIAN	BISNES	29

Peniaga gusar jika harga kelapa naik lagi

Jual santan pada harga RM20 sekilogram tampung kos bekalan tinggi

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
ALOR SETAR

Peniaga santan segar bimbang kemungkinan harga kelapa import terus mengalami kenaikan disebabkan tiada campur tangan pihak berkuasa.

Peniaga santan, Mohd Sufi Yazid, 41, berkata, ketika ini kenaikan tertinggi dicatatkan adalah pada minggu lalu sebanyak RM3.20 sekilogram.

Katanya, harga bahan mentah itu menunjukkan peningkatan mendadak sejak Oktober tahun lalu dan terus melonjak selepas Aidilfitri.

"Pada Oktober tahun lalu, kenaikan cuma RM1.80 sekilogram dan masih boleh terima sebab tidak membebankan.

"Namun hari raya baru-baru ini, harga naik sehingga RM2.90 sekilogram, jadi saya jual santan pada harga RM18 sekilogram walaupun untung sedikit.

"Selepas itu harga naik lagi iaitu RM3.20 sekilogram minggu lalu dan terpaksa menjual santan RM20 sekilogram bagi mengelak kerugian," katanya.

Menurutnya, ada ura-ura harga kelapa import akan naik mencecah RM3.50 se-



Mohd Sufi menunjukkan harga jualan santan di kedainya.



kilogram yang sudah pasti membebankan peniaga kecil.

"Dah sembilan tahun saya berniaga, tapi tahun ini paling teruk. Kalau harga terus naik tanpa kawalan, memang ramai peniaga tutup kedai," katanya.

Dakwanya, kekurangan bekalan kelapa dari Indonesia dipercayai menjadi punca kenaikan harga setiap minggu.

"Saya harap ada campur tangan kerajaan berkaitan isu kelapa ini. Bagi peniaga santan seperti kami, ini sahaja mata pencarian menyara keluarga.

"Kalau terpaksa gulung tikar, tak tahu apa nasib kami nanti," ujarnya.

Bagi Kasmawati Abdul Karim, 44, dari Pendang, mengakui pernah menghentikan operasi ketika Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Aidilfitri dari 24 Mac hingga 7 April lalu.

"Ketika itu kerajaan menetapkan harga siling RM17.50 sekilogram tetapi saya tidak mampu menjual pada harga tersebut disebabkan harga kelapa melambung tinggi," katanya.

Jelasnya, sepanjang tempoh tersebut, dia tidak berani menjual santan melebihi harga siling kerana bimbang didenda Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kerana ingkar arahan ditetapkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	27

'Tuwokano' pikat peminat kopi di KB

Inovasi Mazuadi hasilkan air kopi gabungan nira kelapa dan americano

KOTA BHARU

Siapa sangka percubaan mencampurkan nira kelapa dengan kopi americano untuk dinikmati sendiri akhirnya ia menjadi minuman yang turut digemari ramai dikenali sebagai 'Tuwokano' atau kopi tuak dengan gabungan cita rasa kampung dan Barat.

Minuman hasil inovasi Mazuadi Zakaria, 46, itu kini menjadi pilihan utama penggemar kopi yang datang ke Kopi Kaktus, kafe berkonsepkan nurseri bunga miliknya di Jalan Pasir Hor di sini, yang semakin mencuri tumpuan masyarakat tempatan.



“

Air nira perlu dibiarkan pada suhu bilik selama tiga hingga empat jam untuk proses penapaian. Rasa sedikit bergas itulah 'jiwa' sebenar kopi tuak,”

-Mazuadi Zakaria

“Awal tahun ini, saya nekad mengkomersialkan kopi tuak ini bersama lebih 10 lagi variasi seperti Kopi Mimpi, Kopi Lemon, Kopi Latte, Kopi Karamel, Kopi Nyor dan Kopi Honey-moon,” katanya.

Bagaimanapun, bapa kepada enam anak itu berkata, menghasilkan kopi tersebut bukan semudah mencampurkan dua bahan semata-mata, sebaliknya menuntut kefahaman



Mazuadi menunjukkan 'Tuwokano' yang juga dikenali sebagai kopi tuak.



Pengunjung Kopi Kaktus menikmati secangkir kopi di Kedai Bunga Suri, Jalan Pasir Hor di sini.

mendalam tentang sifat air nira yang mudah berubah jika tidak dikendalikan dengan betul.

“Air nira perlu dibiarkan pada suhu bilik selama tiga hingga empat jam untuk proses penapaian.

“Rasa sedikit bergas itulah 'jiwa' sebenar kopi tuak,” katanya sambil menambah beliau menggunakan 40 hingga 100 liter air nira seminggu.

Minuman berharga RM11 segelas itu mampu terjual hingga 30 gelas sehari, menandakan penerimaan pelanggan yang sangat memberangsangkan.

Bagi mengekalkan keseimbangan rasanya, Mazuadi memilih biji kopi Brazil dan Arabica daripada pembekal tempatan agar kemanisan nira tidak menenggelamkan aroma kopi.

Anak sulungnya, Arif Arham, 21, turut membantu menguruskan kedai, menjadikan perniagaan itu sebagai usaha keluarga yang semakin berkembang.

Kopi Tuwokano juga menarik perha-

tian pelancong luar Kelantan, yang terpesona dengan kombinasi rasa tradisional dan gaya penyajian moden ala hipster.

Lebih menarik, suasana kedai yang dikelilingi pokok dan bunga hiasan menjadikannya lokasi santai yang *insta-worthy* serta sesuai untuk beristirahat sambil menunggu pasangan membeli tanaman.

“Saya nampak peluang bila ramai lelaki hanya tunggu isteri membeli bunga. Maka terhasillah idea untuk wujudkan Kopi Kaktus dalam nurseri Kedai Bunga Suri yang sudah beroperasi lebih 30 tahun,” katanya.

Melihat potensi besar, Mazuadi kini merancang memperluaskan jualan kopi berkenaan dalam bentuk botol agar boleh dinikmati di rumah atau dijadikan buah tangan.

“Insya-ALLAH, saya sedang usahakan pembungkusan sesuai. Harapan saya kopi ini bakal jadi produk kebanggaan Kelantan hingga ke luar negara,” katanya. - Bernama